

## **HARI MINGGU BIASA KE – 7 TAHUN C**

**1 Samuel 26:2.7-9.12-13.22-23**

**Mazmur 102:1-4.8.10.12-13.R.v.8**

**1 Korintus 15:45-49**

**Injil Lukas 6:27-38**

### **Tema: BERBELAS KASIHANLAH SEPERTI BAPA MU YANG BERBELAS KASIH**

1. Hari ini adalah hari Minggu Biasa Ke-7, Dalam Tahun C. Pembacaan hari ini memberitahu kita supaya berbelas kasihan sama seperti Allah yang Mahatinggi yang berbelas kasihan.

Injil memberitahu kita untuk berbelas kasihan seperti Bapa mu yang Mahatinggi yang berbelas kasih. Injil memberitahu kita jangan menghakimi, maka kamu pun tidak akan dihakimi; dan janganlah kamu menghukum, maka kamu pun tidak akan di hukum; ampunlah maka kamu pun akan diampuni. Berilah dan kamu akan di beri!

Injil juga memberitahu kita “kasihilah musuhmu; berbuatlah baik kepada orang yang membenci kamu; mintalah berkat bagi orang yang mengutuk kamu; berdoalah bagi orang yang mencaci kamu. Barangsiapa menampar pipi kirimu, berikanlah juga pipi kananmu; dan barangsiapa mengambil jubahmu, biarkan juga ia mengambil bajumu; berilah kepada setiap yang meminta kepadamu, dan janganlah meminta kembali orang yang mengambil kepunyaanmu.

Lagi, Injil menjemput kita untuk mengasihi musuh kita, berbuat baik, memberi pinjam tanpa mengharapkan bayaran balik. Maka upah mu akan besar dan kamu akan menjadi anak-anak Allah yang Mahatinggi, sebab Ia baik terhadap orang-orang yang tidak tahu berterima kasih dan terhadap orang-orang yang jahat. Lagi, berbelas kasihanlah seperti Bapa mu yang penuh belas kasihan.!!

2. Pembacaan pertama mengikuti tema dari Injil. Pembacaan pertama memberitahu kita bahawa Daud yang berbelas kasihan terhadap Raja Saul. Raja Saul cuba untuk membunuh daud sebanyak dua kali. Dan Daud juga mempunyai peluang untuk membunuh Raja Saul sebanyak dua kali tetapi Daud tidak melakukannya. Daud membebaskan Raja Saul hidup sebanyak dua kali; yang pertama di kandang-kandang domba di tepi jalan. (1 Sam 24); dan sekali lagi daud mengambil tombak dan kendi air semasa Raja Saul sedang tidur dan tidak membunuhnya. (1 Sam 26). Daud sangat berbelas kasihan kepada Raja Saul.

3. Mamur Tanggapan mengikuti tema dari pembacaan pertama. Lagi, Mazmur tanggapan memberitahu kita bahawa Tuhan itu pengasih dan penyayang. Demikian juga dengan sahatan Mazmur Tanggapan : “Tuhan itu pengasih dan penyayang.”! (Maz 102:8) dan demikian juga bahagian ketiga dan keempat dalam mazmur tanggapan: “Tuhan itu pengasih dan penyayang, lambat akan marah dan penuh kasih setia. Ia tidak memperlalukan kita setimpal dosa kita dan tidak membalas sepadan kesalahan kita. Sejauh timur dari barat, sekian jauhlah dibuan-Nya kesalahan kita. Seperti seorang Bapa yang sayang akan anak-anaknya, demikianlah Tuhan sayang akan orang yang takwa.”! (Maz 102:8.10.12-13)

4. Lagi, pembacaan kedua memberitahu kita tentang kebangkitan dari kematian. Pembacaan kedua dari Hari Minggu ke-5 dan ke-6juga memberitahu kita tentang kebangkitan dari kematian. Pembacaan kedua hari ini memberitahu kita tentang kebangkitan badan. Rasul Paulus memberitahu kita dalam pembacaan kedua bahawa

kebangkitan badan bukanlah yang rohaniyah dari Adam , tetapi yang alamiah, kemudia barulah datang yang rohaniyah dari Adam kedua, iaitu, kebangkitan Kristus! (CSB/NJB).

5. Hari ini dalam Ekaristi, kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, dan kita makan Tubuh-Nya dan minum Darah-Nya, dan kebangkitan Tuhan kita akan memberikan kita Roh Kudus-Nya, dan membangkitkan kita dari kematian! Dia akan memberikan kita Roh Kudus-Nya untuk membantu kita menjadi pengasih dan penyayang seperti Bapa yang Mahatinggi yang berbelas kasihan. (Lukas 6:36)! Dia akan memberikan kita Roh-Kudus-Nya untuk membantu kita mengasihani musuh kita , berdoa bagi mereka yang menganiaya kita, untuk memohon berkat bagi mereka yang mencaci kita, berbuat baik kepada yang membenci kita, dan memberi kepada setiap orang yang meminta (Lukas 6:27-30;..... mengasihani musuh kita dan berbuat baik kepada mereka; dan memberikan pinjaman tanpa mengharapkan balasan (Lukas 6:35), ..... mengampuni; dan memberi (Lukas 6:37-38)!

Amin!

Selamat Tahun Baru Cina tahun Babi kepada semua kamu! Kemanisan Limau mandarin melambangkan kebahagiaan, dan dan dalam bahasa cina Limau Mandarin bermaksud emas! Emas bermaksud kekayaan! Lagi, Selamat Tahun Baru Cina tahun Babi kepada anda semua!

Cadangan soalan untuk renungan persendirian dan perkongsian dalam keluarga, kumpulan kecil dan komuniti kecil:

1. Adakah kamu berbelas kasihan seperti Bapa mu yang penuh belas kasihan? Adakah Yesus Kristus pengasih seperti Bapa-Nya yang pengasih? Dapatkah kamu mengasihani tanpa bantuan dari Roh Kudus? Bolehkah kamu mengasihani dengan bantuan Roh Kudus?
2. Adakah kamu mengasihani musuh kamu? Adakah kamu berdoa untuk musuh kamu? Adakah kamu berbuat baik terhadap musuh kamu?
3. Adakah kamu memberi kepada mereka yang meminta? Adakah kamu memberi kepada mereka yang tidak meminta? Adakah kamu memberi pinjaman wang tanpa mengharapkan balasan?
4. Adakah kamu menghakimi yang lain? Adakah kamu menghukum yang lain? Adakah kamu mengampuni yang lain?
5. Apakah yang dikatakan kepada kamu dalam Injil hari ini: “Kasihilah musuhmu, berbuatlah baik kepada orang yang membenci kamu, pinjamkanlah tanpa mengharapkan balasan. Maka upahmu akan besar dan kamu akan menjadi anak-anak Allah Yang Mahatinggi. Sebab Ia baik terhadap orang-orang yang tidak tahu berterima kasih dan terhadap orang-orang jahat.”? (Lukas 6:35)
6. Apakah yang dikatakan dari petikan Injil ini terhadap kamu:“kasihilah musuhmu; berbuatlah baik kepada orang yang membenci kamu; mintalah berkat bagi orang yang mengutuk kamu; berdoalah bagi orang yang mencaci kamu. Barangsiapa menampar pipi kirimu, berikanlah juga pipi kananmu; dan barangsiapa mengambil jubahmu, biarkan juga ia mengambil bajumu; berilah kepada setiap yang meminta kepadamu, dan janganlah meminta kembali orang yang mengambil kepunyaanmu.”? (Lukas 27:30)

7. Apakah yang dikatakan kepada kamu melalui petikan Injil ini: “Dan sebagaimana kamu kehendaki supaya orang perbuat kepada kamu, perbuatlah juga demikian kepada mereka”? (Lukas 6:31)
8. Lagi, Apa yang dikatakan dari petikan injil ini kepada kamu: “Hendaklah kamu murah hati, sama seperti Bapa mu adalah yang murah hati. Janganlah kamu menghakimi, maka kamu pun tidak akan dihakimi. Dan janganlah kamu menghukum, maka kamu pun tidak akan dihukum; ampunilah maka kamu pun akan diampuni. Berilah dan kamu akan di beri; suatu takaran yang baik, yang dipadatkan, yang digoncang dan yang tumpah ke luar akan dicurahkan ke dalam ribaanmu. Sebab ukuran yang kamu pakai untuk mengukur, akan diukurkan kepadamu.” (Lukas 6:36-38)
9. Apa yang disampaikan kepada kamu melalui Mazmur tanggapan bahagian ketiga dan keempat: ““Tuhan itu pengasih dan penyanyang, lambat akan marah dan penuh kasih setia. Ia tidak memperlalukan kita setimpal dosa kita dan tidak membalas sepadan kesalahan kita. Sejauh timur dari barat, sekian jauhlah dibuan-Nya kesalahan kita. Seperti seorang Bapa yang sayang akan anak-anaknya, demikianlah Tuhan sayang akan orang yang takwa.”! (Maz 102:8.10.12-13)
10. Apa yang disampaikan kepada kamu dalam “Doa Pembukaan”: “Bapa, kami mohon kepada-Mu, semoga kami selalu merenungkan kehendak-Mu dan melaksanakannya dalam kata dan karya. Demi Yesus Kristus, Anak-Mu dan Roh Kudus, satu Allah selama-lamanya.”?
11. Apa yang disampaikan kepada kamu melalui pengantar Injil hari ini: “Perintah baru Ku berikan kepada mu: hendaknya kamu saling mengasihi, sebagaimana Aku mengasihi kamu.”? (Yoh 13:34)
12. Apa yang dikatakan kepada kamu dalam “Doa selepas Komuni”: “Bapa yang Mahatinggi, bantulah kami untuk hidup dengan mencontohi kasih yang kami rayakan dalam Ekaristi ini, supaya kami mencapai kehadiranmu.”?
13. Adakah kamu mempunyai pengalaman yang lain yang ingin kamu kongsi?
14. bacakan dengan jelas setiap ayat yang menyentuh kamu dalam pembacaan hari ini:....

**Gereja Katolik St. Dominic, Batu 1, Jalan Segama Lama, Lahad Datu, Sabah, Malaysia.**